



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VIII / (17)

Tarikh : 3 Jun 1993

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/1993 :  
Penggunaan Simbol RM (Ringgit Malaysia)  
Dalam Peperiksaan**

Dimaklumkan bahawa kerajaan Malaysia telah menggunakan simbol RM (Ringgit Malaysia) menggantikan simbol ringgit (\$) bagi menyatakan sesuatu kos. Selaras dengan penggunaan simbol RM ini, Kementerian Pendidikan akan mula menggunakan RM di dalam semua peperiksaan awam mulai tahun 1994. Penggunaan Ringgit Malaysia bukan sahaja pada tulisan tetapi juga pada sebutan.

2. Kementerian Pendidikan juga akan mula menggunakan Ringgit Malaysia secara berperingkat-peringkat di dalam percetakan buku teks baru mulai tahun 1994.

3. Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah dikeluarkan dengan tujuan untuk melaksanakan penggunaan Ringgit Malaysia di semua sekolah mulai sekarang seperti berikut :

i. Semua guru yang mengajar mata pelajaran Matematik dikehendaki menggunakan RM menggantikan simbol ringgit di dalam pengajaran mereka.

Buat permulaan ini guru-guru Matematik boleh meminta murid-murid mereka menggantikan simbol ringgit dengan RM yang terdapat di dalam buku Matematik sementara percetakan buku teks yang baru dikeluarkan.

ii. Guru-guru yang mengajar mata pelajaran lain juga diminta membuat pertukaran simbol yang sama di dalam pengajaran dan juga buku teks.

iii. Guru-guru yang mengajar dalam tulisan Braille juga diminta membuat pertukaran simbol yang sama.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah menengah dan rendah di negeri tuan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Daud  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan Ketua Setiausaha I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Timbalan Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia